

Nelayan perlu memanfaatkan industri hiliran kawasan pantai

UM 27/06/23 M15 33

BACHOK: Para nelayan di seluruh negara perlu bijak memanfaatkan pelbagai peluang dalam industri hiliran di kawasan pantai untuk menambah pendapatan mereka.

Pengerusi Lembaga Kema-juan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, selain keluar menangkap ikan di laut, hasil tangkapan itu boleh dikembangkan kepada peng-hasilan makanan yang lain menerusi bimbingan LKIM.

Dalam masa yang sama, ka-tanya, kawasan perkampungan nelayan boleh dimajukan sebagai produk pelancongan untuk menarik minat pelancong dalam dan luar negara.

Ketika ini, terdapat seramai 84,000 nelayan berdaftar di bawah lebih 100 Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) seluruh negara.

“Usaha itu perlu dirangka di peringkat PNK dalam usaha meningkatkan pendapatan ke-luar nelayan yang tidak hanya fokus kepada kerja menangkap ikan.

“Hasil makanan laut, seni kraf dan pelbagai produk mam-pu dijual kepada pengunjung. PNK juga perlu kreatif dalam merangka projek dalam mem-



MUHAMMAD Faiz Fadzil (kiri) mengagihkan bantuan kepada nelayan PNK Bachok di D'Heritage Resort and Training Center, Bachok, Kelantan hari ini. - UTUSAN/TOREK SULONG

bela nasib nelayan untuk keluar daripada kepompong kemiskin-an,” katanya selepas menyam-paikan bantuan enjin bot, pu-kat dan tong ikan kepada 40 nelayan di D'Heritage Resort and Training Center di sini se-malam.

Dalam perkembangan lain, Muhammad Faiz memberitahu, aspek kebajikan nelayan ter-

masuk keperluan bantuan per-alatan, kos operasi dan bayaran Elaun Sara Hidup (ESH) nelayan sebanyak RM300 sebulan akan terus dipertahankan.

Katanya, dakwaan yang men-gatakan kerajaan tidak akan menyambung ESH nelayan dan memotong subsidi bahan api hanya propaganda politik yang tidak perlu dilayan.